



**AHMAD ABD. TALIB** (kiri) menjadi moderator Program Advokasi Ilmuwan MPN 2015 anjuran bersama Kumpulan Utusan dan RTM di Dewan Besar Ibu Pejabat Korporat Utusan Melayu (M) Berhad, Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan ahli panel, **Dr. Ranjit Singh** (dua kiri), **Dr. Kamaruddin Mohd. Said** (tengah), **Dr. Mohd. Kamarulnizam Abdullah** (dua kanan) dan **Dr. Durrishah Idrus** (kanan).

Kos kebajikan Rohingya wajar dikongsi bersama

# Tabung Kemanusiaan ASEAN perlu diwujudkan

Oleh **KAMIL MASLIH**  
 pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 26 MEI**

**P**ROGRAM Advokasi Ilmuwan Majlis Profesor Negara (MPN) hari ini mencadangkan penubuhan Tabung Kemanusiaan ASEAN untuk membolehkan negara anggota sama-sama menanggung kos menjaga kebajikan pelarian etnik Rohingya.

Tabung kemanusiaan berkenaan diharapkan bukan sahaja dapat digunakan untuk menjaga kebajikan pelarian etnik dari Myanmar itu tetapi juga dimanfaatkan pada masa depan apabila timbul sebarang isu kemanusiaan di negara rantau ini.

Timbalan Setiausaha Agung MPN, Prof. Dr. Kamaruddin Mohd. Said berkata, idea tersebut dikemukakan kerana buat ketika ini, hanya Malaysia, Indonesia dan Thailand terpaksa menanggung sendiri kos yang diperlukan dalam membantu pelarian Rohingya.

“Apabila orang Rohingya datang ke sini, kita bantu atas semangat kemanusiaan tetapi kita juga terpaksa menghadapi kos yang ditanggung sendiri dan tidak melibatkan nega-



**Jadi kita kena fikirkan satu cara supaya negara-negara berhati baik ini boleh berkongsi kos secara bersama. Saya cadangkan agar ditubuhkan satu Tabung Kemanusiaan ASEAN, bukannya kita hendak menuduh Myanmar tetapi Myanmar juga perlu bersama-sama menanggung kos ini.”**

**KAMARUDDIN MOHD. SAID**  
 Timbalan Setiausaha Agung MPN

ra ASEAN lain.

“Jadi kita kena fikirkan satu cara supaya negara-negara berhati baik ini boleh berkongsi kos secara bersama. Saya cadangkan agar ditubuhkan satu Tabung Kemanusiaan ASEAN, bukannya kita hendak menuduh Myanmar tetapi Myanmar juga perlu bersama-sama menang-

gung kos ini,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa menjadi ahli panel Program Advokasi Ilmuwan MPN yang mendapat kerjasama Kumpulan Utusan dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) di Dewan Besar Ibu Pejabat Korporat Utusan Melayu (M) Berhad di sini hari ini.

Program itu turut membariskan ahli-ahli panel terdiri daripada Pensyarah Sekolah Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Emeritus Dr. Ranjit Singh; Setiausaha Kluster Governans, Perundangan dan Pengurusan Awam MPN, Prof. Dr. Durrishah Idrus dan Ahli Jawatankuasa Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa MPN, Prof. Dr. Mohd. Kamarulnizam Abdullah.

Pengerusi Yayasan Salam Malaysia, Datuk Ahmad Abd. Talib menjadi moderator wacana ilmu ini.

Dalam pada itu, seorang lagi ahli panel, Ranjit berkata, ASEAN perlu segera membentuk pasukan pengaman ASEAN bagi membolehkan kerjasama erat antara tentera laut negara-negara berkenaan bagi menyelamatkan pelarian Rohingya.

Ranjit juga mengingatkan bahawa isu pelarian itu tidak hanya

membabitkan Myanmar tetapi juga melibatkan negara bukan ASEAN kerana pelarian yang didaratkan di Langkawi didapati merangkumi 400 etnik Rohingya dan 700 lagi adalah warga Bangladesh.

Seorang lagi ahli panel, Durrishah berpendapat, ASEAN sewajarnya bekerjasama sebagai satu pasukan bagi menyelesaikan isu kemanusiaan itu dan memastikan perkara sama tidak berulang pada masa hadapan.

“Malaysia tidak mungkin menolak (pelarian) tanpa pertimbangan kemanusiaan yang tinggi tetapi apa pilihan yang kita ada? Di sini kita berharap ASEAN dapat membantu menyelesaikan isu pelarian dari Myanmar ini,” tegasnya.

Mohd. Kamarulnizam pula berkata, beliau memuji pendekatan diplomatik diambil oleh Malaysia sehingga berjaya memujuk Myanmar yang pada asalnya tidak mahu duduk berbincang tentang isu pelarian etnik Rohingya.

“Malaysia sebagai negara pelopor ASEAN memahami sensitiviti sesebuah negara dan apa yang dilakukan oleh Malaysia menerusi diplomasi secara tertutup berhasil untuk memujuk Myanmar bagi berbincang mengenai perkara ini,” katanya.

